

JAWATANKUASA PEMBINAAN MASJID BANDAR TASIK KESUMA

d/a No.7, JALAN KESUMA 7/1, BANDAR TASIK KESUMA,

43700 BERANANG, SELANGOR DARUL EHSAN

No. Tel: 012-237 2248 / 019-271 4750 / 016-213 7049

Emel: binamasjidkesuma@gmail.com

Facebook: masjid bandar tasik kesuma



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Rujukan kami : JKPMBTK/ TEKNIKAL/ MPKJ /59-2021

Tarikh : 23 Ogos 2021M
14 Muharram 1443H

**Yang Berbahagia Tuan Haji Najmuddin Bin Jemain
Yang DiPertua**

Majlis Perbandaran Kajang
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Tuan,

**CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH KOMPLEKS MASJID BANDAR
TASIK KESUMA, DI ATAS LOT PT 11747, MUKIM BERANANG , SELANGOR DARUL
EHSAN**

- **Permohonan Membiayai dan Membina Laluan Masuk ke Tapak Masjid
oleh Kerajaan Negeri Selangor**

Dengan segala hormat dan penuh takzimnya saya berdoa agar YBhg Tuan serta seisi keluarga sentiasa berada di dalam keadaan sihat sejahtera dan dilindungi Allah Subhanahu Wa Ta'ala sepanjang masa. Sukacita kami merujuk kepada surat-surat kami yang lalu kepada YB Tuan Ir. Izham Hashim dan YB Tuan Mohd Zawawi rujukan JKPMBTK/TEKNIKAL/YBIZHAM/44-2021 dan JKPMBTK/TEKNIKAL/EXCO AGAMA/49-2021 bertarikh 15 Januari 2021 dan 24 Februari 2021 berkenaan perkara di atas. Sesalinan surat-surat di atas disertakan sebagai rujukan Tuan.

Selanjutnya, izinkan kami untuk menarik perhatian Tuan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman Tuan, Alhamdulillah, kutipan dana untuk pembinaan Kompleks Masjid Bandar Tasik Kesuma ini telah mencecah RM19 juta atau 95% daripada keseluruhan anggaran kos projek iaitu sebanyak RM20 juta. Kutipan-kutipan tersebut pada keseluruhannya adalah melalui sumbangan individu, badan korporat dan badan bukan kerajaan (NGO) hasil daripada kempen pemasaran yang giat kami jalankan sejak lebih setahun yang lepas.
3. Pihak kami telahpun mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang (KM) kepada Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) pada 23 Februari 2021 yang lepas. Alhamdulillah, permohonan kami ini telah diluluskan dengan pindaan berdasarkan mesyuarat OSC Bil 7/2021 bertarikh 5 April 2021 yang lepas. Pada masa ini, pihak perunding kami sedang di dalam proses menyiapkan pelan-pelan berkaitan dan seterusnya menyerahkan pelan-pelan tersebut kepada pihak MPKj untuk tujuan endorsan.
4. Untuk makluman Tuan, laluan masuk ke tapak masjid ini adalah seperti yang diperuntukkan di dalam rizab jalan seperti di dalam pelan-pelan yang dilampirkan. Kelebaran rizab jalan tersebut adalah selebar 20 meter dan panjangnya hampir 400 meter. Kos untuk membina laluan masuk ini termasuk utiliti-utiliti berkaitan adalah dianggarkan hampir RM 2 juta.
5. Laluan masuk yang sama ini juga akan memberi manfaat kepada plot-plot tanah berhampiran seperti bomba, balai polis, dan sekolah rendah agama bila ianya dibina nanti. Oleh itu, kami berpendapat pihak kerajaan negeri boleh membantu menyediakan dana dan seterusnya membina laluan masuk ini.
6. Untuk itu, besar harapan kami jika pihak Tuan dapat membantu kami supaya laluan masuk ini dapat dibina dengan menggunakan peruntukan kerajaan negeri ataupun lain-lain peruntukan yang bersesuaian. Adalah dijangkakan Kompleks Masjid Bandar Tasik Kesuma ini akan dapat disiapkan pada pertengahan tahun 2023.

Segala bantuan dan kerjasama dari pihak Tuan di dahului dengan ucapan jutaan terima kasih. Semoga Allah SWT membalas segala jasabaik Tuan dan dianugerahkan keberkatan yang berpanjangan serta sentiasa di bawah lindungan Nya.

Sekian, terima kasih.

Kami yang menanggung amanah,



(PROF. DR .MUHD NAJIB BIN ABDUL KADIR)

Pengerusi

Jawatankuasa Pembinaan Masjid Bandar Tasik Kesuma (JKPMBTK)
(Tel: 013 918 3333)

S.K. **Yang Berhormat Tuan Ir Izham Bin Hashim**

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani,
Pejabat Ahli Mesyuarat kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 15, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam, SELANGOR DARUL EHSAN

Yang Berhormat Tuan Mohd Zawawi Bin Ahmad Mughni

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam,
Hal Ehwal Pengguna & Industri Halal
Pejabat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor,
Tingkat 14, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam, SELANGOR DARUL EHSAN

Yang Berbahagia Dato'Haji Mohd Shahzihan Bin Ahmad

Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
Bangunan Sultan Idris Shah
No.2 Persiaran Masjid,
40676 Shah Alam, SELANGOR DARUL EHSAN.